

TERMA DAN SYARAT CABUTAN BERTUAH BONANZA KEMPEN LANGGAN & MENANG KIMB 2020

PROMOSI

1. Cabutan bertuah sempena **Kempen Langgan & Menang KIMB 2020** (selepas ini dirujuk sebagai “**KLMK**”) merupakan promosi yang diadakan buat julung kalinya oleh KIMB yang menawarkan hadiah lumayan yang bernilai sehingga **RM 30,000.00** secara keseluruhan. Ianya ditawarkan kepada semua pelanggan di kalangan anggota dan bukan anggota KIMB yang memperbaharui takaful dan cukai jalan kenderaan serta melanggan takaful kebakaran/*houseowner/householder* dengan KIMB [Rujuk Syarat Klausa (8)(i)(ii)]
2. KIMB ingin memastikan sambutan seiring dengan kempen yang lain supaya ia dapat mendatangkan pendapatan yang berterusan kepada KIMB.

TEMPOH PROMOSI

3. Promosi ini bermula **12 Oktober 2020** sehingga **31 Disember 2020**, kedua-dua tarikh adalah termasuk (“Tempoh Promosi”). Pihak Penganjur berhak mengubah atau memanjangkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa yang dirasakan sesuai tanpa mengemukakan sebarang notis.
4. Pengumuman pemenang akan dibuat pada awal tahun hadapan di Facebook (misalnya: Tahniah! @PuanRita) dan pemenang perlu membalas mesej dari KIMB di Facebook/WhatsApp dalam tempoh 48 jam selepas mesej dihantar.
5. Pemenang hanya dibenarkan untuk menang sekali sahaja sewaktu Tempoh Peraduan berlangsung.

KELAYAKAN

6. Dengan menyertai peraduan ini, semua peserta akan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju secara jelas untuk terikat dengan Terma dan Syarat Peraduan ini seperti yang dinyatakan di sini dan sebarang Terma dan Syarat tambahan yang ditetapkan oleh penganjur (sebagai boleh digunapakai) termasuk keputusan penganjur dalam semua perkara yang berkaitan.
7. Maklumat mengenai cara penyertaan adalah sebahagian daripada Terma dan Syarat penyertaan ini. Pendaftaran untuk penyertaan dalam Peraduan ini dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat penyertaan ini. Penerimaan Terma dan Syarat ini adalah pra-syarat penyertaan.
8. Terbuka kepada anggota dan bukan anggota KIMB yang memperbaharui:
 - i) Takaful dan cukai jalan kenderaan, dengan syarat :

- Memperbaharui takaful **DAN** cukai jalan kenderaan, kedua-duanya sekali dengan KIMB dari 12 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020
 - Kenderaan jenis kereta persendirian **DAN** atas nama individu sahaja. Manakala, kenderaan jenis motosikal dan atas nama syarikat tidak layak untuk menyertai kempen ini.
 - Melanggan pelan *Comprehensive*
- ii) Takaful kebakaran/*houseowner/householder*, dengan syarat:
- Memperbaharui takaful kebakaran/*houseowner/householder* dengan KIMB dari 12 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020
9. Peserta takaful dan cukai jalan kenderaan akan berpeluang mendapat tiket cabutan bertuah masing-masing seperti berikut:
- 1 Tiket Cabutan Bertuah:
 - Melanggan takaful dan cukai jalan kenderaan [Rujuk Syarat Klausula (8)(i)]
 - Mestilah *Whatsapp* no plat kenderaan dan hashtag #langgandanmenangkimb2020 ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan.
 - Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)
 - 2 Tiket Cabutan Bertuah
 - Melanggan takaful dan cukai jalan kenderaan [Rujuk Syarat Klausula (8)(i)]
 - Mestilah *Like* dan *Share* post kempen dari media sosial Facebook atau Instagram KIMB, *tag* minima tiga (3) orang rakan dan hashtag #langgandanmenangkimb2020.
 - Kemudian mestilah *Whatsapp* no plat kenderaan, hashtag #langgandanmenangkimb2020 dan *screenshot* sebagai bukti *share* post kempen di media sosial ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan.
 - Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)
 - 3 Tiket Cabutan Bertuah
 - Melanggan takaful dan cukai jalan kenderaan [Rujuk Syarat Klausula (8)(i)]
 - Mestilah *Like* dan *Share* post kempen dari media sosial Facebook atau Instagram KIMB, *tag* minima tiga (3) orang rakan dan hashtag #langgandanmenangkimb2020.
 - Kemudian mestilah *Whatsapp* no plat kenderaan, hashtag #langgandanmenangkimb2020 dan *screenshot* sebagai bukti *share* post kempen di media sosial ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan
 - Seterusnya mestilah melengkapkan link borang (<http://bit.ly/BorangReferralPelanggan>) dengan memberikan maklumat minima

lima (5) orang *referral* yang mempunyai kenderaan dan belum pernah perbaharui dengan KIMB.

- Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)

10. Peserta takaful kebakaran/*houseowner/householder* akan berpeluang mendapat tiket cabutan bertuah masing-masing seperti berikut:

- 1 Tiket Cabutan Bertuah:
 - Melanggan takaful kebakaran/*houseowner/householder* [Rujuk Klausa (8)(ii)]
 - Mestilah *Whatsapp* nama pemilik sijil, dan hashtag #langgandanmenangkimb2020 ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan.
 - Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)
- 2 Tiket Cabutan Bertuah
 - Melanggan takaful kebakaran/*houseowner/householder* [Rujuk Klausa (8)(ii)]
 - Mestilah *Like* dan *Share* post kempen dari media sosial Facebook atau Instagram KIMB, *tag* minima tiga (3) orang rakan dan hashtag #langgandanmenangkimb2020
 - Kemudian mestilah *Whatsapp* nama pemilik sijil, hashtag #langgandanmenangkimb2020 dan *screenshot* sebagai bukti *share* post kempen di media sosial ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan.
 - Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)
- 3 Tiket Cabutan Bertuah
 - Melanggan takaful kebakaran/*houseowner/householder* [Rujuk Klausa (8)(ii)]
 - Mestilah *Like* dan *Share* post kempen dari media sosial Facebook atau Instagram KIMB, *tag* minima tiga (3) orang rakan dan hashtag #langgandanmenangkimb2020
 - Kemudian mestilah *Whatsapp* nama pemilik sijil, hashtag #langgandanmenangkimb2020 dan *screenshot* sebagai bukti *share* post kempen di media sosial ke nombor **011-20816036** untuk pengesahan
 - Seterusnya mestilah melengkapkan link borang (<http://bit.ly/BorangReferralPelanggan>) dengan memberikan maklumat minima lima (5) orang *referral* yang mempunyai kenderaan dan belum pernah perbaharui dengan KIMB.
 - Selain itu, peserta juga mestilah mengisi borang maklumat waris (untuk urusan pemberian hadiah sekiranya berlaku kematian kepada peserta yang memenangi cabutan bertuah dalam tempoh kempen)

11. Sekiranya berlaku kematian ke atas peserta dalam tempoh promosi, peserta berkenaan masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh undang-undang kecil koperasi KIMB. Justeru, peserta mestilah

HADIAH DAN TUNTUTAN HADIAH

12. Setiap pemenang akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah seperti berikut:

KATEGORI PEMENANG	HADIAH YANG DITAWARKAN	BILANGAN PEMENANG
Utama	Wang tunai/barangan bernilai RM 4,000.00	1
Pertama	Wang tunai/barangan bernilai RM 1,500.00	1
Kedua	Wang tunai/barangan bernilai RM 750.00	2
Ketiga	Wang Tunai/barangan bernilai RM 500.00	3
Saguhati	Wang Tunai/barangan bernilai RM 100.00	15

13. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau apa-apa kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi KIMB: www.kimb.com.my.
14. Peserta boleh dihubungi, pada bila-bila masa dianggap sesuai oleh Penganjur, melalui emel atau sebarang cara komunikasi lain yang dianggap wajar oleh pihak Penganjur.
15. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh KIMB.
16. KIMB berhak untuk menggantikan dan / atau menggantikan Hadiah tanpa mengemukakan sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta. Penggunaan Hadiah adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen. Keputusan Penganjur berhubung dengan semua aspek peraduan tetapi tidak terhad kepada Hadiah adalah muktamad, mengikat dan konklusif dalam apa jua keadaan dan tiada surat-menyurat dan rayuan akan dilayan.
17. Sekiranya pemenang:
- Anggota KIMB – Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke akaun Modal Yuran pemenang dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.

- ii) Bukan Anggota KIMB – Hadiah wang tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke akaun bank pemenang atau ke akaun individu yang dinamakan oleh pemenang dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan.
18. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
 19. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia semasa tempoh kempen, waris yang sah boleh menuntut wang tunai tersebut dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan.
 20. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh KIMB adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan sama sekali. Pihak penganjur berhak mengubah atau memanjangkan tempoh peraduan pada bila-bila masa yang dirasakan sesuai tanpa mengemukakan sebarang notis.
 21. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap penyerahan yang lambat, hilang, tidak lengkap, salah serahan, tertunda, rosak atau tersalah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, penggeledahan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
 22. KIMB mempunyai hak mutlak untuk menambah, meminda atau menukar terma dan klausa yang dirasakan perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa boleh dipertikaikan haknya.

SYARAT-SYARAT UMUM

23. Peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma dan syarat yang ditetapkan dan membenarkan butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi untuk digunakan bagi tujuan promosi.
24. KIMB berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam Kempen ini sama ada secara lisan atau keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
25. KIMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan / atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh KIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap KIMB ke atas apa-apa dan / atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
26. Pihak penganjur, anak syarikat, sekutu, dan syarikat bersekutu tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk, tanpa batasan, kerugian tidak

langsung, khas atau turutan atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan diri atau kematian yang dialami atau dikekalkan (sama ada atau tidak timbul daripada kecuaiannya mana-mana orang) berkaitan dengan Peraduan ini.

27. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh KIMB berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dipertikai. KIMB tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
28. Hanya Peserta yang memenuhi Terma dan Syarat Peraduan layak menyertai Peraduan ini. Peserta yang gagal memenuhi Terma dan Syarat Peraduan secara automatik akan hilang kelayakan daripada menyertai Peraduan tanpa sebarang notis.
29. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod KIMB adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.